No. Syarikat

| | |
|---|---|
| 149520 | U |

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2008

0032A9/zu

No. Syarikat

| | |
|---|---|
| 149520 | U |

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## KANDUNGAN


| | HALAMAN |
|---|---|
| LAPORAN PARA PENGARAH | 1 - 6 |
| KENYATAAN PARA PENGARAH | 7 |
| AKUAN BERKANUN | 7 |
| LAPORAN JURUAUDIT BEBAS | 8 - 9 |
| KUNCI KIRA-KIRA | 10 |
| PENYATA PENDAPATAN | 11 |
| AKAUN HASIL INSURANS AM | 12 - 13 |
| PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI | 14 |
| PENYATA ALIRAN TUNAI | 15 - 16 |
| NOTA-NOTA PADA PENYATA KEWANGAN | 17 - 54 |

No. Syarikat

| | |
|---|---|
| 149520 | U |

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN PENGARAH

Dengan sukacitanya, para Pengarah mengemukakan laporan mereka kepada ahli-ahli bersama-sama dengan penyata kewangan beraudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

### AKTIVITI UTAMA

Syarikat terlibat secara utamanya dalam penajaan jamin semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan ketara dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun berkenaan.

### KEPUTUSAN KEWANGAN

| | RM |
|---|---|
| Keuntungan bersih bagi tahun berkenaan | 32,174,509 |

### DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak akhir tahun terdahulu.

Para Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen berhubung tahun semasa.

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Segala pemindahan ketara ke atau dari rizab dan peruntukan semasa tahun berkenaan dinyatakan dalam nota pada penyata kewangan.

### PERUNTUKAN UNTUK TUNTUTAN BELUM LUNAS

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi untuk tuntutan-tuntutan yang tertanggung, termasuk tuntutan-tuntutan Tertanggung Belum Lapor ("IBNR")

### HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menentukan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan pembikinan peruntukan untuk hutang ragu dan telah berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang akan menyebabkan amaun yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau amaun yang diperuntukkan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat menjadi tidak mencukupi dengan berkesan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

# LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

## PERISTIWA PENTING SELEPAS AKHIR TAHUN

Pada 1 Februari 2009, Syarikat telah selesai mengambilalih aset dan liabiliti tertentu perniagaan insurans am PanGlobal Insurance Berhad untuk imbalan tunai berjumlah RM15,000,000. Keterangan berkaitan pengambilalihan itu dinyatakan dalam Nota 29 pada penyata kewangan.

## ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat dibuat, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak berkemungkinan terealis dalam perjalanan biasa perniagaan, nilai-nilainya seperti yang ditunjuk dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurang kira kepada suatu amaun yang mungkin dijangka dapat direaliskan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai-nilai yang dikaitkan dengan aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

## KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan berbangkit yang menyebabkan pegangan kepada kaedah penilaian semasa ke atas aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai.

## KONTINGEN DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang berbangkit sejak akhir tahun berkenaan untuk menjamin liabiliti mana-mana orang lain, atau

(b) sebarang liabiliti kontingen berkaitan dengan Syarikat yang telah berbangkit sejak akhir tahun berkenaan.

Tiada liabiliti kontingen atau liabiliti lain Syarikat telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun berkenaan yang, pada pandangan para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu.

Bagi tujuan perenggan ini, liabiliti kontingen atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang berbangkit daripada kontrak insurans yang ditajajamin dalam perjalanan biasa Syarikat.

## PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan, yang belum ditangani dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

## PERKARA-PERKARA BERSIFAT LUARBIASA

Keputusan kendalian Syarikat pada sepanjang tahun berkenaan, pada pendapat para Pengarah, tidak menjejaskan dengan ketara apa-apa perkara, urusniaga atau peristiwa secara material atau luarbiasa.

Tidak berbangkit sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material atau luarbiasa pada waktu selang antara akhir tahun berkenaan dan tarikh laporan ini yang, pada pandangan para Pengarah, berkemungkinan untuk menjejaskan dengan ketara keputusan kendalian Syarikat bagi tahun laporan ini dibuat.

## MODAL SAHAM

Pada 18 Disember 2008, Syarikat menambahkan modal saham dibenarnya daripada RM100,000,000 kepada RM300,000,000. Pada tarikh yang sama, Syarikat telah menerbitkan 178,000,000 saham biasa bernilai RM1 sesaham untuk tunai pada nilai tara, untuk membiayai pengembangan pengendalian Syarikat yang selanjutnya. Saham biasa baru itu yang diterbitkan semasa tahun berkenaan bertaraf pari passu dalam semua perkara dengan saham biasa sedia ada Syarikat.

## URUS TADBIR SYARIKAT

Syarikat telah mematuhi semua keperluan preskriptif terhadap, dan menerap amalan-amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditentukan di bawah JPI/GPI 25 (Disatukan): Rangka Kerja Berhemat Urus tadbir Syarikat untuk Penanggung Insurans dan JPI/GPI 1(Disatukan): Piawai Minimum untuk Pengurusan Berhemat oleh Penanggung Insurans, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”).

Dalam mematuhi JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minimum untuk Pengurusan Berhemat oleh Penanggung Insurans, Lembaga Pengarah (“Lembaga Pengarah”) telah membentuk tiga sub-jawatankuasa pada 2003 seperti yang dinyatakan di bawah:

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tanggungjawab utama Jawatankuasa tersebut ialah untuk mengesyorkan rangka kerja pengurusan risiko, dari segi strategi, dasar dan toleransi risiko, untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan juga untuk menyediakan suatu penilaian menyeluruh ke atas kecukupan infrastruktur pelaporan risiko, yang termasuk sumber dan sistem sokongan, dalam menggalakkan budaya pengurusan risiko yang pro-aktif.

Jawatankuasa itu terdiri daripada dua orang Pengarah bebas bukan-eksekutif dan seorang Pengarah bukan-bebas bukan-eksekutif. Mereka ialah Teh Boon Eng, Jun Hemmi dan Dato’ Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Empat mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun berkenaan, yang mana seorang Pengarah tidak dapat hadir kerana terikat dengan komitment lain.

URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat terdiri daripada proses berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko ketara yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditetapkan, yang merangkumi semua peringkat personel dan proses perniagaan untuk memastikan pengendalian Syarikat dijalankan secara yang berkesan dan cekap serta untuk melindungi aset Syarikat dan kepentingan pemegang amanah. Proses ini disokong oleh sistem maklumat yang boleh harap yang meliputi semua aktiviti yang penting. Penilaian yang berterusan terhadap keberkesanan dan kecukupan kawalan-kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas terhadap kawalan-kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembetulan, jika perlu, diambil tepat pada masanya.

Jawatankuasa Pencalonan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa tersebut ialah untuk memastikan ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada anggota-anggota yang mempunyai kecekapan teknikal, profesionalisme, campuran kemahiran yang diperlukan dan bahawa terdapat imbangan antara Pengarah eksekutif, bukan-eksekutif dan bebas bagi memastikan pelaksanaan tanggungjawab Lembaga Pengarah yang berkesan.

Jawatankuasa itu juga membuat syor terhadap pelantikan, kenaikan pangkat dan penyingkiran seseorang pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal dan memberi penilaian terhadap prestasi individu mereka dan sumbangan mereka kepada Syarikat secara menyeluruh.

Jawatankuasa itu terdiri daripada dua orang Pengarah bebas bukan-eksekutif, dua orang Pengarah bukan-bebas bukan-eksekutif dan seorang Pengarah bukan-bebas eksekutif. Mereka ialah Teh Boon Eng, Jun Hemmi, Hironari Iwakuma, Dato' Fuaad bin Mohd Dahalan dan Dai Inoue. Bagi memastikan JPI/GPI 1 (Disatukan) dipatuhi sepenuhnya, Lembaga Pengarah sedang mencari pengganti untuk mengisi kekosongan tersebut.

Dua mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan telah diadakan sepanjang tahun berkenaan, yang mana seorang Pengarah tidak dapat hadir kerana terikat dengan komitmen lain.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada enam anggota, lima daripadanya adalah Pengarah bukan-eksekutif. Semua anggota Lembaga Pengarah memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam semua aspek yang material dalam perniagaan insurans untuk memastikan secara berkesan bahawa Syarikat beroperasi di bawah piawaian profesionalisme yang tertinggi.

Enam mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun berkenaan, yang mana seorang Pengarah tidak dapat hadir kerana terikat dengan komitmen lain.

URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Imbuhan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa tersebut adalah untuk menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, struktur dan dasar imbuhan, termasuk terma pekerjaan atau kontrak perkhidmatan bagi pengarah-pengarah eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan untuk memastikan terdapat hubungan yang kukuh antara tahap imbuhan dan prestasi individu terhadap sasaran yang dipersetujui ke atas jumlah pakej imbuhan.

Jawatankuasa itu terdiri daripada dua orang Pengarah bebas bukan-eksekutif dan seorang Pengarah bukan-bebas bukan-eksekutif. Mereka adalah Teh Boon Eng, Jun Hemmi dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Tiga mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan telah diadakan sepanjang tahun kewangan berkenaan, yang mana seorang Pengarah tidak dapat hadir kerana terikat dengan komitmen lain.

PARA PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SAHAM

Para Pengarah yang telah berkhidmat sejak tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Teh Boon Eng | |
| Profesor Emeritus Dato' Dr Lian Chin Boon | |
| Jun Hemmi | |
| Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan | Dilantik pada 2 Jun 2008 |
| Dai Inoue | Dilantik pada 17 September 2008 |
| Hironari Iwakuma | Dilantik pada 22 September 2008 |
| Michio Umeda | Letak jawatan pada 11 Ogos 2008 |
| Hiroshi Endo | Letak jawatan pada 21 Ogos 2008 |

Mengikut Tataurusan Persatuan Syarikat, Professor Emeritus Dato' Dr Lian Chin Boon dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan berkelayakan, menawar diri perlantikansemula.

Menurut daftar pemegangan saham Para Pengarah, tiada seorang pun Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan berkenaan mempunyai sebarang kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan berkaitnya.

No. Syarikat

| | |
|---|---|
| 149520 | U |

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

# LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

## MANFAAT PARA PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun berkenaan, tiada perkiraan wujud yang melibatkan Syarikat dengan tujuan membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat-manfaat secara pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana perbadanan lain.

Sejak akhir tahun terdahulu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau telah menjadi layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada imbuhan Pengarah dan manfaat bukan berbentuk wang yang dipamer dalam nota pada penyata kewangan Syarikat ini, Tokio Marine Asia Pte. Ltd., sebagai syarikat pemegangan kepada Syarikat ini dan Tokio Marine and Nichido Fire Insurance Company Limited, sebagai anak syarikat kepada syarikat pemegangan muktamad bagi Syarikat ini) atas sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkait dengan seseorang Pengarah atau dengan sebuah firma yang dianggotainya, atau dengan sebuah syarikat yang dia mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

## SYARIKAT PEMEGANGAN MUKTAMAD

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc. (terdahulu dikenali sebagai Millea Holdings Inc.), sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegangan induk kepada Syarikat.

## JURUAUDIT

Juruaudit, Pricewaterhouse Coopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi mereka yang bertarikh 13 Mac 2009.

TEH BOON ENG
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

Kuala Lumpur

No. Syarikat

| | |
|---|---|
| 149520 | U |

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## KENYATAAN OLEH PARA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Teh Boon Eng dan Hironari Iwakuma, sebagai dua daripada para Pengarah Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentang pada halaman 10 hingga 54 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan tentang keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawai Perakaunan Diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian serta peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi mereka bertarikh 13 Mac 2009.

TEH BOON ENG
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

## AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT,1965

Saya, Phang Kwang Chee, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab secara utamanya terhadap pengurusan kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, dengan bersungguh-sungguh dan suci hati mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentang pada halaman 10 hingga 54 adalah, pada pandangan saya, betul, dan saya membuat akuan yang bersungguh-sungguh ini dengan mempercayai sepenuh hemat bahawa penyata kewangan tersebut adalah benar, dan selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Akuan Berkanun, 1960.

PHANG KWANG CHEE

Ditandatangani dan diakui dengan bersungguh-sungguh oleh Phang Kwang Chee yang disebut di atas di Kuala Lumpur di Malaysia pada 13 Mac 2009.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
## TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. syarikat 149520 U)

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, yang terdiri dari kunci kira-kira pada 31 Disember 2008, dan penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota keterangan lain, seperti yang dinyatakan pada halaman 10 hingga 54.

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan pembentangan yang saksama terhadap penyata kewangan ini mengikut Piawai Perakaunan Diluluskan di Malaysia oleh MASB bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini termasuk: mereka, melaksana dan memelihara kawalan dalaman yang relevan bagi penyediaan dan pembentangan yang saksama terhadap penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan; memilih dan menerap dasar-dasar perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk memberi pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawai-piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Piawai-piawai tersebut mengkehendaki kami mematuhi pelan dan keperluan etika dan melaksana audit tersebut untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sebuah audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh keterangan audit tentang amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian tentang risiko-risiko daripada salah nyata ketara tentang penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan. Dalam membuat penilaian-penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan yang saksama penyata kewangan oleh Syarikat untuk kami mereka cipta prosedur-prosedur audit yang sesuai dengan keadaaan, tetapi bukan untuk memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sebuah audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang telah diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami yakin bahawa keterangan audit yang telah kami peroleh adalah memadai dan sesuai untuk memberi suatu asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan betul mengikut Piawai Perakauan Diluluskan di Malaysia oleh MASB bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)
(No. syarikat: 149520 U)

## LAPORAN TENTANG KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Mematuhi keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan buku daftar yang dikehendaki oleh Akta itu untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan betul mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

## PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, mengikut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Berpiagam

SRIDHARAN NAIR
(No. 2656/05/10 (J))
Akauntan Berpiagam

Kuala Lumpur
13 Mac 2009

No. syarikat

| 149520 | U |
|---|---|

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| ASET | | | |
| Hartanah, loji dan kelengkapan | 4 | 11,365,848 | 8,701,880 |
| Muhibah | 5 | 26,929,731 | 26,929,731 |
| Pelaburan | 6 | 821,322,195 | 533,650,064 |
| Pinjaman | 7 | 10,356,430 | 9,900,456 |
| Cukai semasa boleh dapat balik | | - | 2,455,928 |
| Aset cukai tertunda | 11 | 5,300,000 | 4,317,354 |
| Belum terima | 8 | 98,279,688 | 96,054,046 |
| Tunai dan baki di bank | | 22,439,950 | 13,961,968 |
| JUMLAH ASET | | 995,993,842 | 695,971,427 |
| LIABILITI | | | |
| Peruntukan untuk tuntutan belum lunas | 9 | 308,313,246 | 278,153,815 |
| Belum bayar | 10 | 89,731,397 | 83,549,260 |
| Liabiliti cukai semasa | | 4,176,667 | - |
| | | 402,221,310 | 361,703,075 |
| Rizab premium tidak terperoleh | 12 | 197,215,752 | 147,886,081 |
| JUMLAH LIABILITI | | 599,437,062 | 509,589,156 |
| EKUITI PEMEGANG SAHAM | | | |
| Modal saham | 13 | 278,000,000 | 100,000,000 |
| Perolehan tertahan | 14 | 117,839,283 | 85,664,774 |
| Rizab penilaian semula | 15 | 717,497 | 717,497 |
| Jumlah ekuiti pemegang saham | | 396,556,780 | 186,382,271 |
| JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM | | 995,993,842 | 695,971,427 |

Nota-nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. syarikat

| 149520 | U |
|---|---|

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

# PENYATA PENDAPATAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| Hasil kendalian | 16 | 603,415,004 | 437,640,196 |
| Dana pemegang saham: | | | |
| Pendapatan pelaburan | 17 | 135,384 | 116,729 |
| Perbelanjaan kendalian lain | 19 | (1,127,380) | (1,100,650) |
| | | (991,996) | (983,921) |
| Lebihan dipindah dari Akaun Hasil Insurans Am (Halaman 12 dan 13) | | 45,250,194 | 40,638,889 |
| Untung sebelum cukai | | 44,258,198 | 39,654,968 |
| Cukai | 20 | (12,083,689) | (7,232,405) |
| Untung bersih bagi tahun berkenaan | | 32,174,509 | 32,422,563 |
| Perolehan sesaham | 21 | 0.30 | 0.32 |

Nota-nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. syarikat

| 149520 | U |
|---|---|

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## AKAUN HASIL INSURANS AM
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | Kebakaran RM | Motor RM | Marin, Penerbangan & Transit RM | Pelbagai RM | Total RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Premium kasar | 16 | 97,077,801 | 330,036,672 | 46,217,050 | 107,351,355 | 580,682,878 |
| Insurans semula | | (55,686,785) | (17,296,568) | (13,072,395) | (29,882,708) | (115,938,456) |
| Premium bersih | | 41,391,016 | 312,740,104 | 33,144,655 | 77,468,647 | 464,744,422 |
| Peningkatan dalam rizab premium tidak terperoleh | 12 | (3,103,734) | (41,167,665) | (1,567,793) | (3,490,479) | (49,329,671) |
| Premium terperoleh | | 38,287,282 | 271,572,439 | 31,576,862 | 73,978,168 | 415,414,751 |
| Tuntutan tertanggung bersih | 22 | (22,248,481) | (194,405,295) | (12,714,834) | (38,797,455) | (268,166,065) |
| Pendapatan/(belanja) komisyen bersih | | 4,466,447 | (31,376,947) | (2,260,983) | (10,146,250) | (39,317,733) |
| Lebihan penajaan jamin sebelum belanja pengurusan | | 20,505,248 | 45,790,197 | 16,601,045 | 25,034,463 | 107,930,953 |
| Belanja pengurusan | 18 | | | | | (79,432,995) |
| Lebihan penajaan jamin | | | | | | 28,497,958 |
| Pendapatan pelaburan | 17 | | | | | 22,596,742 |
| Perbelanjaan kendalian lain - bersih | 19 | | | | | (5,844,506) |
| Lebihan dipindah ke Penyata pendapatan | | | | | | 45,250,194 |

Nota-nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. syarikat

| 149520 | U |
|---|---|

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

# AKAUN HASIL INSURANS AM
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

| | Nota | Kebakaran RM | Motor RM | Marin, Penerbangan & Transit RM | Pelbagai RM | Total RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Premium kasar | 16 | 70,858,673 | 226,578,919 | 39,816,563 | 82,443,938 | 419,698,093 |
| Insurans semula | | (40,987,169) | (12,314,427) | (13,261,212) | (21,298,188) | (87,860,996) |
| Premium bersih | | 29,871,504 | 214,264,492 | 26,555,351 | 61,145,750 | 331,837,097 |
| Peningkatan/(kemerosotan) dalam rizab premium tidak terperoleh | 12 | 348,437 | (13,721,109) | (204,454) | 545,069 | (13,032,057) |
| Premium terperoleh | | 30,219,941 | 200,543,383 | 26,350,897 | 61,690,819 | 318,805,040 |
| Tuntutan tertanggung bersih | 22 | (9,045,042) | (143,245,122) | (17,521,578) | (40,552,361) | (210,364,103) |
| Pendapatan komisyen /(belanja) bersih | | 5,256,848 | (22,203,771) | (1,406,066) | (8,397,388) | (26,750,377) |
| Lebihan penajaan jamin sebelum belanja pengurusan | | 26,431,747 | 35,094,490 | 7,423,253 | 12,741,070 | 81,690,560 |
| Belanja pengurusan | 18 | | | | | (64,682,350) |
| Lebihan penajaan jamin | | | | | | 17,008,210 |
| Pendapatan pelaburan | 17 | | | | | 17,825,374 |
| Pendapatan kendalian lain - bersih | 19 | | | | | 5,805,305 |
| Lebihan dipindah ke Penyata pendapatan | | | | | | 40,638,889 |

Nota-nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. syarikat

| 149520 | U |
|---|---|

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | Saham biasa diterbit dan berbayar penuh berharga RM1 sesaham | | Tak boleh agih | Boleh agih | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bilangan saham | Nilai nominal | Rizab penilaian semula | Perolehan tertahan | Jumlah |
| | | | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari 2008 | | 100,000,000 | 100,000,000 | 717,497 | 85,664,774 | 186,382,271 |
| Untung bersih bagi tahun berkenaan | | - | - | - | 32,174,509 | 32,174,509 |
| Penerbitan saham | 13 | 178,000,000 | 178,000,000 | - | - | 178,000,000 |
| Pada 31 Disember 2008 | | 278,000,000 | 278,000,000 | 717,497 | 117,839,283 | 396,556,780 |
| | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2007 | | 100,000,000 | 100,000,000 | 698,105 | 53,242,211 | 153,940,316 |
| Untung bersih bagi tahun berkenaan | | - | - | - | 32,422,563 | 32,422,563 |
| Cukai tertunda ke atas rizab penilaian semula | 11 | - | - | 19,392 | - | 19,392 |
| Pada 31 Disember 2007 | | 100,000,000 | 100,000,000 | 717,497 | 85,664,774 | 186,382,271 |

Nota-nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. syarikat

| 149520 | U |
|---|---|

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN | | | |
| Untung bersih bagi tahun berkenaan | | 32,174,509 | 32,422,563 |
| Pelarasan bagi: | | | |
| Hartanah, loji dan kelengkapan | | | |
| - susut nilai | | 4,577,953 | 3,912,737 |
| - laba daripada pelupusan | | (137,974) | (121,088) |
| - hapus kira | | 35,425 | 123,764 |
| Pelunasan sewa pajakan prabayar | | 55,556 | 55,556 |
| Peruntukan untuk /(masuk kira semula) pengurangan nilai pelaburan | | 6,828,686 | (50,855) |
| Pelunasan premium - bersih | | 423,023 | 475,951 |
| Rugi/(laba) daripada pelupusan pelaburan | | 558,564 | (4,283,445) |
| Pendapatan pelaburan | | (23,155,149) | (18,418,054) |
| Masuk kira semula hutang ragu | | (1,789,885) | (200,462) |
| Hapus kira hutang lapuk | | 409,584 | 468,900 |
| Peningkatan rizab premium tidak terperoleh | | 49,329,671 | 13,032,057 |
| Belanja cukai | | 12,083,689 | 7,232,405 |
| Keuntungan daripada pengendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian | | 81,393,652 | 34,650,029 |
| Pembelian pelaburan | | (289,175,565) | (76,375,556) |
| Penerimaan daripada pelupusan pelaburan | | 22,625,159 | 21,127,852 |
| Penerimaan pelaburan matang | | 122,263,859 | 60,527,749 |
| (Peningkatan)/kemerosotan dalam simpanan tetap dan panggilan | | (151,195,857) | 18,248,611 |
| Kemerosotan/(peningkatan) dalam belum terima | | 196,135 | (25,691,316) |
| Peningkatan dalam peruntukan untuk tuntutan belum lunas | | 30,159,431 | 4,196,192 |
| Peningkatan dalam belum bayar | | 6,182,137 | 12,464,827 |
| Peningkatan dalam pinjaman | | (455,974) | (695,515) |
| | | (178,007,023) | 48,452,873 |
| Cukai yang dibayar | | (6,433,740) | (4,166,668) |
| Pendapatan pelaburan yang diterima: | | | |
| - Bunga | | 20,696,911 | 16,948,470 |
| - Dividen | | 1,247,099 | 1,202,456 |
| - Sewa | | 114,107 | 117,600 |
| Tunai bersih (diguna dalam)/dijana daripada aktiviti kendalian | 23 | (162,382,646) | 62,554,731 |

| No. syarikat | |
|---|---|
| 149520 | U |

# TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

| | Nota | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN | | | |
| Pengambilalihan perniagaan insurans am | 28 | - | (47,103,950) |
| Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan | | (7,578,669) | (3,834,952) |
| Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan | | 439,297 | 145,411 |
| Aliran keluar tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti pelaburan | 23 | (7,139,372) | (50,793,491) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | |
| Penerbitan saham | 23 | 178,000,000 | - |
| PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI | 23 | 8,477,982 | 11,761,240 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI | | 13,961,968 | 2,200,728 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER | 23 | 22,439,950 | 13,961,968 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI TERDIRI DARIPADA: | | | |
| Tunai dan baki di bank | | 22,439,950 | 13,961,968 |

Nota-nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

# NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2008

## 1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat terlibat secara utamanya dalam penajaan jamin semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan penting dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun kewangan berkenaan.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti berhad yang diperbadankan dan berpengkalan di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat adalah beralamat di:

Aras 10, Wisma Havela Thakardas
No. 1 Jalan Tiong Nam Off Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di:

Aras 29 - 31, Menara Dion
27 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc. (terdahulu dikenali sebagai Millea Holdings Inc.,) sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegangan muktamad Syarikat.

Lembaga Pengarah telah mengizinkan penerbitan penyata kewangan ini mengikut sebuah resolusi Pengarah pada 13 Mac 2009.

## 2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan berikut telah diguna secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berkaitan dengan penyata kewangan.

### (a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengguna konvensyen kos sejarah kecuali seperti yang didedahkan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan mematuhi Piawai Pelaporan Kewangan (“FRS”), yang merupakan Piawai Perakaunan di Malaysia Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan (“MASB”) di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta dan Peraturan Insurans, 1996 dan Garis Panduan serta Surat Pekeliling relevan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) dalam semua aspek yang ketara.

Penyediaan penyata kewangan yang menepati peruntukan-peruntukan Piawai Perakaunan Diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) untuk Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap amaun yang dilaporkan untuk aset dan liabiliti, dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan, dan amaun yang dilaporkan untuk hasil dan belanja sepanjang tahun berkenaan. Walaupun anggaran-anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran tersebut.

## 2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### (a) Asas penyediaan (sambungan)

Bahagian-bahagian yang melibatkan pertimbangan yang lebih tinggi atau yang lebih rumit, atau bahagian-bahagian yang andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 3.

(i) Piawai yang diguna pakai ke atas Syarikat dan yang efektif

Piawai perakaunan baru yang efektif untuk Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 dan diguna pakai ke atas Syarikat adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| FRS 112 | Cukai Pendapatan |

Penggunaan FRS baru dan disemak di atas tidak memberi sebarang impak kewangan yang penting terhadap keputusan Syarikat.

(ii) Piawai yang diguna pakai ke atas Syarikat tetapi belum efektif

Piawai-piawai berikut akan menjadi efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Syarikat akan mengguna pakai piawai-piawai ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010. Syarikat telah mengguna pakai peruntukan peralihan berhubung dengan piawai-piawai yang mengecualikan entiti-entiti daripada mendedahkan impak yang mungkin timbul daripada penggunaan awal piawai-piawai itu pada penyata kewangan Syarikat.

| | |
|---|---|
| FRS 139 | Alat Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran |
| FRS 4 | Kontrak Insurans |
| FRS 7 | Instrumen Kewangan: Pendedahan |

(iii) Piawai, pindaan kepada piawai yang tersiar dan interpretasi ke atas piawai sedia ada yang belum efektif dan tidak relevan kepada Syarikat

FRS 8 Segmen Kendalian (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 menggantikan FRS $114_{2004}$ Pelaporan Segmen. Piawai baru itu memerlukan ‘pendekatan pengurusan’, di bawah segmen maklumat yang dibentangkan mengikut asas yang sama yang diguna untuk tujuan pelaporan dalaman.

IC Interpretasi 9 Penilaian Semula Terbitan Sematan (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). IC Interpretasi 9 memerlukan sebuah entiti untuk menilai sama ada terbitan sematan perlu diasingkan daripada kontrak induk dan dikira sebagai suatu terbitan ketika entiti itu mula-mula menjadi pihak dalam kontrak itu. Penilaian semula yang seterusnya dilarang kecuali apabila ada perubahan dalam terma kontrak tersebut yang mengubah secara nyata aliran tunai yang sebaliknya diperlukan di bawah kontrak tersebut, yang jika demikan penilaian semula diperlukan.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

(iii) Piawai, pindaan terhadap piawai tersiar dan interpretasi bagi piawai sedia ada yang belum efektif dan tidak relevan kepada Syarikat (sambungan)

IC Interpretasi 10 Pelaporan dan Kejejasan Kewangan Sementara (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). IC Interpretasi 10 melarang kerugian kejejasan diiktiraf dalam tempoh sementara bagi muhibah dan pelaburan dalam alat ekuiti dan dalam aset kewangan yang dibawa pada kos dibalikkan pada tarikh kunci kira-kira yang akan datang.

(b) Gabungan Perniagaan

Kaedah perakaunan belian diguna untuk menjelaskan gabungan perniagaan. Kos sebuah pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen ekuiti yang dikeluarkan dan liabiliti yang terlibat atau ditanggung pada tarikh pertukaran, termasuk kos yang berpunca secara langsung daripada pengambilalihan tersebut. Aset yang diambilalih yang boleh dikenalpasti, dan liabiliti dan kontingen liabiliti yang ditanggung dalam gabungan perniagaan adalah diukur pada awalnya pada nilai saksamanya ketika tarikh pengambilalihan. Lebihan kos pengambilalihan daripada nilai saksama saham Syarikat bagi aset bersih yang boleh dikenalpasti yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan adalah ditunjuk sebagai muhibah. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2(c) berkenaan muhibah. Jika kos pengambilalihan adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih yang diambilalih, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(c) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan imbalan belian dan kos berkait daripada pengambilalihan daripada agregat nilai saksama aset bersih daripada perniagaan yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2(f) berkenaan kejejasan aset.

Muhibah diuji secara tahunan bagi kejejasan dan dibawa pada kos ditolak kerugian kejejasan terkumpul. Kerugian kejejasan ke atas muhibah tidak boleh dibalikkan.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penjana tunai bagi tujuan ujian kejejasan. Peruntukan itu dibuat kepada unit-unit penjana tunai yang dijangka akan memperoleh manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan yang mana muhibah tersebut timbul.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan

Hartanah, loji dan kelengkapan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bangunan atas tanah pemegangan pajak kemudiannya ditunjuk pada amaun penilaian semula, berdasarkan penilaian aset sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 5 tahun oleh jurunilai bebas luar, ditolak susut nilai dan kerugian kejejasan yang menyusul. Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dihapuskan daripada amaun bawaan kasar aset tersebut , dan amaun bersih dinyatakan semula pada amaun penilaian semula aset itu.

Semua hartanah, loji dan kelengkapan lain dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung berpunca daripada pemerolehan perkara-perkara tersebut.

Kos susulan dimasukkan ke dalam amaun bawaan atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti yang sewajarnya, hanya apabila berkemungkinan bahawa manfaat enokomi pada masa depan berkaitan dengan perkara tersebut akan mengalir ke Syarikat dan kos perkara itu boleh diukur dengan yakin. Baik pulih dan penyenggaraan adalah dicaj pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dalam tempoh kewangan baik pulih dan penyenggaraan itu ditanggung.

Hartanah, loji dan kelengkapan disusut nilai pada asas garisan lurus bagi menghapus kira kos aset kepada nilai sisanya daripada jangka hayat bergunanya, yang diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan atas tanah pemegangan pajak | 50 tahun |
| Kenderaan bermotor | 4 tahun |
| Peralatan pejabat | 3 – 6 tahun |
| Perabot dan lekapan | 3 – 6 tahun |

Nilai sisa dan jangka hayat berguna aset dikaji semula dan diselaraskan, jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Lebihan yang berpunca daripada penilaian semula dikredit ke rizab penilaian semula. Sebarang desifit yang berpunca daripada penilaian semula dicaj kepada rizab penilaian semula setakat lebihan terdahulu yang dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua kes lain, penurunan dalam amaun bawaan dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat juga membuat penilaian sama ada terdapat sebarang tanda kejejasan. Jika tanda tersebut wujud, sebuah analisis akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset itu boleh didapati balik sepenuhnya. Pengurangan kira nilai akan dilakukan sekiranya amaun bawaan melebihi amaun yang boleh didapati balik. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2(f) berkenaan kejejasan aset.

Laba dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan penerimaan dengan amaun bawaan dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil. Atas pelupusan aset yang dinilai semula, amaun dalam rizab penilaian semula berkaitan aset tersebut dipindah ke perolehan tertahan.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Kertas Cagamas and sekuriti hutang perbadanan lain tidak disebut harga seperti yang ditetapkan oleh BNM, adalah dinyatakan pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun yang dikira atas asas kadar hasil malar, dari tarikh pembelian hingga ke tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pelaburan disebut harga dinyatakan pada kos yang lebih rendah dan nilai pasaran ditentukan atas asas agregat portfolio mengikut kategori pelaburan kecuali jika tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan dibuat daripada nilai pelaburan tersebut. Nilai pasaran ditentukan dengan merujuk kepada harga tutup bursa saham pada tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan tak disebut harga dinyatakan pada kos dan peruntukan untuk pengurangan dalam nilai dibuat jika, pada pendapat para Pengarah, terdapat penurunan yang selain daripada sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Jika terdapat penurunan selain daripada sementara dalam nilai sesuatu pelaburan, penurunan itu diiktiraf sebagai belanja dalam tahun penurunan itu dikenal pasti.

(f) Kejejasan aset

Aset yang mempunyai jangka hayat berguna yang tidak menentu tidak tertakluk pada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk kejejasan. Aset yang tidak tertakluk pada pelunasan dikaji semula untuk kejejasan, sama ada peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun bawaan mungkin tidak boleh didapati balik sepenuhnya.

Kerugian kejejasan diiktiraf bagi amaun yang nilai bawaan aset melebihi amaun yang boleh didapati balik. Amaun yang boleh didapati balik ialah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menilai kejejasan, aset dikumpulkan di paras yang paling rendah di mana aliran tunai berasingan boleh dikenal pasti (unit-unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain muhibah yang mengalami kejejasan dikaji semula bagi memungkinkan penarikan balik kejejasan itu pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kejejasan dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dengan serta-merta melainkan jika ia menarik balik penilaian terdahulu yang jika demikian ia dicaj kepada lebih penilaian semula. Kerugian kejejasan ke atas muhibah tidak ditarik balik. Berkenaan aset lain, sebarang peningkatan susulan dalam amaun yang boleh didapati balik diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil kecuali jika ia menarik balik kerugian kejejasan terhadap aset yang dinilai semula yang jika demikian, ia dibawa ke lebihan penilaian semula.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan berbentuk wang terakru dalam tahun perkhidmatan berkaitan diberi oleh pekerja Syarikat.

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan

Caruman Syarikat kepada KumpulanWang Simpanan Pekerja, pelan caruman kebangsaan yang ditetapkan, dicaj kepada kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dalam tempoh yang berkaitan. Apabila caruman sudah dibuat, Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi selanjutnya untuk membuat bayaran.

(h) Belum terima

Belum terima perdagangan dibawa pada amaun yang diinvoiskan ditolak peruntukan untuk hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan dibuat untuk sebarang hutang yang dianggap ragu untuk dipungut. Di samping itu, peruntukan dibuat untuk premium termasuk baki ejen dan penanggung insurans semula, yang masih belum lunas melebihi 6 bulan dari tarikh ia menjadi belum terima, kecuali premium motor yang belum lunas yang mana peruntukan dibuat untuk amaun belum lunas melebihi 30 hari.

(i) Keputusan Penajaan Jamin Insurans Am

Keputusan penajaan jamin insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan setelah mengambil kira insuran semula, komisyen, premium tidak terperoleh dan tuntutan yang ditanggung.

<u>Pendapatan premium</u>

Pendapatan pemium diiktiraf dalam tahun berkaitan risiko yang dipegang semasa tahun tersebut. Premium daripada perniagaan langsung diiktiraf dalam tahun nota debit dikeluarkan. Premium berhubung risiko yang diasaskan tanpa dikeluarkan nota debit pada tarikh kunci kira-kira terakru pada tarikh tersebut sebagai premium tertangguh (‘*pipeline premiums’).*

Premium perjanjian insurans semula aliran-masuk diiktiraf atas asas makluman berkala yang diterima daripada penanggung insurans serahan.

Premium insurans semula alir-keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama dengan polisi asal yang berkaitan dengan insuran semula tersebut.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Keputusan Penajaan Jamin Insurans Am (sambungan)

Rizab premium tidak terperoleh

Rizab premium tidak terperoleh (“UPR”) mewakili bahagian premium bersih polisi insurans yang ditulis berkaitan tempoh belum luput polisi tersebut pada akhir tahun berkenaan.

Untuk menentukan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat menunjukkan premium tidak terperoleh telah diguna, seperti berikut:

- 25% kaedah untuk kargo marin, kargo penerbangan dan transit;
- Kaedah peruntukan masa bagi polisi bukan tahunan dikurangkan oleh peratusan komisyen perniagaan langsung kasar yang dikira dengan premium yang sepadan, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- 1/24 kaedah untuk semua kelas polisi am Malaysia yang dikurangkan oleh peratusan komisyen perniagaan langsung kasar yang dikira dengan premium yang sepadan, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM.

Peruntukan untuk tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum lunas diiktiraf berkaitan bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir-masuk. Amaun tuntutan belum lunas ialah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan serta belanja berkaitan ditolak pemungutan untuk menyelesai obligasi semasa pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, serta belanja berkaitan, yang ditanggung tetapi belum dilaporkan (“IBNR”) pada tarikh kunci kira-kira, berdasarkan penilaian aktuari oleh seorang aktuari bebas yang berkelayakan.

Kos pemerolehan

Kos pemerolehan dan pembaharuan polisi insurans bersih daripada pendapatan yang diperoleh daripada premium insurans semula serahan diiktiraf sebagai tertanggung dan diperuntukkan dengan sepatutnya bagi tempoh yang mungkin akan mengakibatkan pendapatan.

(j) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan faedah termasuk amaun pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf atas asas kadaran masa dengan mengambil kira pokok belum lunas dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan tersebut akan terakru kepada Syarikat.

Pendapatan sewa diiktiraf atas asas kadaran masa kecuali jika kemungkiran dalam bayaran sewa sudah berlaku dan sewa yang kena dibayar masih belum lunas selama enam bulan, yang jika demikian, pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas digantung, pendapatan diiktiraf atas asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

Laba atau kerugian berpunca daripada pelupusan pelaburan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Urusniaga matawang asing

Perkara-perkara yang dimasuk dalam penyata kewangan Syarikat diukur mengguna matawang suasana ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsian").

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan Syarikat.

Urusniaga matawang asing dalam Syarikat dikira pada kadar tukaran semasa pada tarikh urusniaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira diterjemah pada kadar tukaran yang menguasai pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran yang berpunca daripada pembayaran urusniaga matawang asing dan daripada penterjemahan aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(l) Cukai pendapatan

Belanja cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai dalam bidang kuasa di mana Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai berasaskan keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, mengguna kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang berbangkit antara amaun yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan amaun bawaannya dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana wujud kemungkinan terdapat keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang dengannya perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan.

Kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh kunci kira-kira diguna untuk menentukan cukai tertunda dan dijangka diguna pakai apabila aset cukai tertunda berkait terealis atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

(m) Liabiliti kontingen dan aset kontingen

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen ialah kebarangkalian obligasi berpunca daripada peristiwa-peritiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan yang di luar kawalan Syarikat atau sebuah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga timbul dalam kes yang amat jarang sekali berlaku di mana terdapat suatu liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan yakin.

Aset kontingen ialah kebarangkalian aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan yang di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana ada kemungkinan terdapat aliran masuk manfaat ekonomi, tetapi tidak boleh dipastikan dengan jelas.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Dividen

Dividen diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi untuk membuat bayaran telah ditentukan.

(o) Pajakan kendalian dan sewa pajakan prabayar

Pajakan aset di bawahnya semua risiko dan manfaat pemilikan ditahan oleh pemberi pajak diklasifikasikan sebagai pajakan kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil atas asas garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

Tanah pemegangan pajak disifatkan sebagai pajakan kendalian dan bayaran dibuat untuk memperoleh tanah pemegangan pajak itu dikelaskan sebagai sewa pajakan prabayar dan dilunas selama tempoh pajakan.

